

TITAH UCAPAN

**DULI YANG MAHA MULIA
YANG DI-PERTUAN BESAR
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**DI ISTIADAT PERSIDANGAN PERTAMA (PERASMIAN)
PENGGAL KEDUA,
DEWAN UNDANGAN NEGERI KE- 15**

PADA 6 MEI 2024

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Sekalian.

1. Segala puji bagi Allah yang maha memiliki dan menguasai semesta alam. Maha Suci Allah yang telah menciptakan langit dan bumi dan menjadikan siang serta malam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta para sahabat Baginda.

2. Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan kekuasaan-Nya, Beta dan Tunku Ampuan Besar dapat berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Persidangan Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Ke-15 pada pagi yang berbahagia ini.

Pendahuluan

3. Adalah menjadi harapan Beta dan seluruh rakyat negeri ini agar keharmonian dan kesejahteraan Negeri ini kekal terpelihara. Ia mampu dicapai melalui kepimpinan Menteri Besar, Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun. Kerjasama yang kukuh dalam Kerajaan Perpaduan telah pun menunjukkan prestasi yang amat baik melalui beberapa pencapaian cemerlang Kerajaan Negeri Beta pada tahun 2023.

4. Beta gembira apabila Negeri Sembilan telah berjaya mencapai sasaran sifar miskin tegar pada penghujung tahun 2023. Beta difahamkan pencapaian ini melibatkan seramai 3,530 ketua isi rumah (KIR) di seluruh Negeri Sembilan. Pencapaian ini adalah amat membanggakan dan ia perlu dikekalkan bagi memastikan tiada lagi miskin tegar di negeri ini.

5. Kerajaan Negeri sentiasa fokus dan memberi penekanan dalam menyediakan persekitaran kehidupan yang selesa dan kondusif kepada penduduk setempat. Beta merasa bangga kerana pada tahun ini, Negeri Sembilan telah diiktiraf sebagai negeri paling bahagia di Malaysia. Malah Bandar Port Dickson menerima penganugerahan antara 10 Bandar Paling Bahagia di Malaysia, manakala Bandar Tampin dianugerahkan sebagai Bandar Komuniti Bahagia. Beta ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri dan semua yang terlibat atas pencapaian yang cemerlang, seterusnya membuktikan bahawa rakyat Negeri Sembilan sentiasa dalam persekitaran kehidupan yang selesa dan kondusif. Ia juga merupakan pengiktirafan untuk semua lapisan rakyat dan Beta berharap nilai-nilai murni seperti hormat-menghormati serta suasana baik dapat dikekalkan setiap masa.

6. Beta mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Menyambut Hari Pekerja kepada semua pekerja di Negeri Sembilan. Sumbangan dan peranan pekerja amat penting dalam menyokong pembangunan di Negeri Sembilan. Sehingga suku keempat tahun 2023, penduduk bekerja di Negeri Sembilan berjumlah 517,100 orang dengan kadar pengangguran yang rendah iaitu 2.4 peratus. Ini merupakan indikator yang baik kepada pasaran tenaga kerja Negeri Sembilan.

Prestasi Ekonomi dan Kewangan Negeri

Ahli-Ahli Dewan Sekalian,

7. Berdasarkan senario semasa, prestasi ekonomi negeri ini terus mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan. Pertumbuhan ekonomi bagi tempoh 2021 – 2025 terus diunjurkan bertumbuh pada kadar 4.5 peratus setahun. Dengan kadar pertumbuhan ini, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) per kapita dijangka akan mencapai RM46,534.00 bagi setiap penduduk.

8. Untuk rekod, Negeri Sembilan berada di kedudukan ketiga terbaik bagi prestasi produktiviti mengikut negeri pada tahun 2022, berdasarkan kepada laporan produktiviti yang diterbitkan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Negeri Sembilan turut mencatatkan nilai produktiviti berjumlah RM107,325.00, lebih tinggi daripada nilai purata nasional iaitu sebanyak RM95,858.00. Kadar pertumbuhan produktiviti pula diunjurkan meningkat sebanyak purata 3.7 peratus.

9. Sementara itu, prestasi pengurusan kewangan negeri adalah amat menggalakkan apabila Pentadbiran Kerajaan Negeri telah berjaya mengutip hasil sebanyak RM541.42 juta berbanding anggaran RM450 juta. Prestasi ini juga telah mengubah belanjawan defisit RM108.96 juta kepada *surplus* RM4.93 juta. Susulan daripada kutipan *surplus* ini, rizab Negeri bagi Akaun Hasil Disatukan kini berada pada tahap yang amat baik iaitu sebanyak RM410.48 juta.

10. Pencapaian pelaburan ke Negeri Sembilan pada tahun 2023 pula mencatatkan pelaburan tertinggi yang pernah direkodkan, iaitu RM10.1 bilion. Jumlah ini telah berjaya mengatasi sasaran awal dan merupakan pencapaian rekod tertinggi dalam sejarah pentadbiran Kerajaan Negeri Beta, iaitu sebanyak RM8.9 bilion bagi tahun 2022.

11. Nilai pelaburan ini diperolehi daripada pelbagai sektor meliputi pembuatan dan perkhidmatan seperti hotel, hospitaliti, hartanah, kewangan, perkhidmatan perdagangan, pengedaran, utiliti, telekomunikasi dan lain-lain. Sektor pembuatan kekal sebagai sektor terpenting bagi Negeri Sembilan dengan sumbangan yang direkodkan sebanyak 75 peratus bersamaan RM7.6 bilion, manakala sektor perkhidmatan pula menyumbang sebanyak 25 peratus bersamaan RM2.5 bilion.

12. Bagi menyokong pertumbuhan positif sektor pembuatan yang amat signifikan kepada pertumbuhan ekonomi negeri, inisiatif pembangunan kawasan perindustrian baharu harus terus dipergiatkan lagi agar Negeri Sembilan terus kekal sebagai salah satu destinasi utama pelaburan di Malaysia.

Malaysia Vision Valley 2.0 sebagai Pemangkin Pembangunan Negeri

13. Malaysia Vision Valley 2.0 (MVV 2.0) merupakan Pemangkin Pembangunan Negeri Sembilan. Pembangunan fasa pertama MVV 2.0 memberi tumpuan kepada pembangunan taman perindustrian di Parcel A, Nilai, yang dijangka siap dibangunkan menjelang tahun 2027. Manakala, kawasan Parcel B MVV 2.0 di Labu berhampiran Techpark 3 @ Enstek akan dibangunkan dengan pembangunan bercampur bermula suku ketiga tahun ini. Selain itu, Kerajaan Negeri turut memberi perhatian kepada usaha bagi mengembangkan industri semikonduktor dengan pembangunan kawasan yang dikenali sebagai NS Semiconductor Valley ini dalam Parcel F MVV 2.0 berhampiran Taman Perindustrian Tuanku Jaafar.

14. Dalam pada itu, sebuah pelabuhan kontena yang menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI) membabitkan anggaran kos mencecah RM2 bilion, bakal dibina di Pasir Panjang, Port Dickson. Projek ini akan dapat menyokong ekosistem perindustrian di Negeri Sembilan dan dibiayai sepenuhnya oleh pihak swasta.

15. Beta percaya dengan perancangan pembangunan yang holistik, kesan limpahan kemajuan akan dinikmati oleh seluruh masyarakat di Negeri Sembilan. Jika kita perhatikan pembukaan kilang-kilang baharu bukan hanya tertumpu di Daerah Seremban sahaja. Kini pelabur-pelabur mula berminat untuk membuka perusahaan di daerah-daerah lain di Negeri Sembilan seperti Rembau dan Gemas. Pelaburan syarikat-syarikat di kawasan tersebut akan menyumbang kepada peningkatan ekonomi Negeri ini meliputi kawasan bandar mahu pun luar bandar. Banyak peluang pekerjaan akan dapat diwujudkan serta memberi kesan limpahan positif kepada pembangunan ekonomi setempat.

Prestasi Kerajaan MADANI Negeri Sembilan

Ahli-ahli Dewan,

16. Kerangka Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat telah dilancarkan Kerajaan Persekutuan dan merupakan komitmen untuk merancang dan menstruktur semula aktiviti ekonomi. Justeru, Beta harap kerangka ekonomi MADANI akan terus dijadikan rujukan dalam mencorakkan pertumbuhan ekonomi di negeri ini.

17. Selain daripada Kerangka Ekonomi MADANI, terdapat juga dokumen lain yang telah diperkenalkan selari dengan hasrat bagi memacu pertumbuhan ekonomi iaitu Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030, serta Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas.

18. Mendengar denyut nadi rakyat, Kerajaan Negeri Sembilan menawarkan Skim Sejahtera Rakyat menerusi Aspirasi Perpaduan Negeri Sembilan yang melibatkan semua lapisan masyarakat negeri ini. Antara bantuan yang telah diberikan termasuklah bantuan khas kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang telah memberi faedah kepada 647 penerima. Di samping itu, Bantuan Sumbangan Keceriaan RM200 kepada warga emas berumur 70 tahun ke atas juga telah diberikan kepada 23,776 orang. Bantuan perkahwinan sebanyak RM500 untuk anak negeri yang mendirikan rumah tangga kali pertama juga telah disampaikan kepada 135 orang yang mendirikan rumah tangga dalam tempoh Januari hingga Mac tahun ini.

19. Selain daripada itu, Tabung Pembangunan Usahawan Negeri Sembilan (TUNS) yang merupakan bantuan pembiayaan dalam bentuk geran sebanyak RM3,000.00 telah memberi manfaat kepada seramai 6,135 penjaja dan peniaga kecil di Negeri Sembilan. Sejak 2019 sehingga kini, Kerajaan Negeri Sembilan telah memperuntukkan dana sehingga RM18 juta bagi menjayakan inisiatif ini. Melalui Belanjawan Negeri Sembilan 2024 yang bertemakan 'Bersama Membina Negeri MADANI', Kerajaan Negeri telah meneruskan inisiatif TUNS dengan peruntukan sebanyak RM1 juta.

20. Kerajaan Negeri Sembilan sentiasa memberikan keutamaan dan meningkatkan usaha dalam menegakkan syiar Islam di negeri ini selari dengan pemerkasaan agama yang dilakukan oleh Kerajaan MADANI. Antara usaha berterusan oleh Kerajaan Negeri dari tahun demi tahun adalah pembinaan serta penyelenggaraan masjid dan surau di seluruh Negeri Sembilan yang membolehkan umat Islam beribadah dengan lebih selesa. Beta juga ingin berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana telah meluluskan peruntukan sebanyak RM42.3 juta bagi pembinaan dan baik pulih enam buah masjid di Negeri Sembilan bermula dari tahun 2023.

21. Sebagai Ketua Agama Negeri, Beta mahu supaya perhatian serius diberikan terhadap usaha meningkatkan ekonomi dan ilmu pengetahuan umat Islam. Besarlah harapan Beta agar masjid dan surau dapat dijadikan tempat untuk menyebarkan lagi syiar Islam. Ia bukan setakat hanya bagi tujuan mendirikan solat, bahkan sebagai pusat perkembangan ilmu, penyebaran dakwah, pusat aktiviti sosial dan medan penyatuan ummah. Oleh itu, institusi masjid dan surau juga harus berperanan sebagai tempat atau lokasi penganjuran pelbagai program kemasyarakatan, sama ada dianjurkan oleh agensi kerajaan, swasta, pertubuhan dan persatuan.

22. Bagi kelestarian pembangunan modal insan di Negeri Sembilan, Beta berpandangan bahawa kemajuan bidang pendidikan perlu diberi perhatian serius oleh pihak Kerajaan. Beta telah disebarkan maklum bahawa keputusan peperiksaan di peringkat menengah tertinggi yang setakat ini telah diterima di Negeri Sembilan adalah Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Pencapaian peperiksaan STAM 2023 di Negeri Sembilan telah mencatatkan Gred Purata Negeri (GPN) sebanyak 2.35 mata dan masih kekal melepasi Gred Purata Nasional iaitu 3.09 mata. Tahniah dan syabas Beta zahirkan kepada semua pelajar yang telah menduduki peperiksaan STAM pada tahun 2023. Beta berharap agar pelajar-pelajar ini dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi serta berjaya menamatkan pengajian dengan cemerlang.

23. Beta amat berbangga dengan pencapaian dalam bidang pendidikan di Negeri Sembilan secara keseluruhannya kerana sentiasa menerima penghargaan dan pengiktirafan. Pencapaian ini melibatkan tahap pengajian di peringkat rendah, menengah serta di peringkat pengajian tinggi. Dengan peningkatan taraf sistem pendidikan dalam Negeri kita ini, maka akan lahir lebih ramai generasi baharu yang berpendidikan tinggi dan berpelajaran di Negeri Sembilan.

24. Syabas juga Beta zahirkan di atas pencapaian Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tuanku Ampuan Najihah yang telah menjadi Sekolah Seni Ke-6 di Malaysia dengan jenama 'Noghor Arts School'. Sekolah Seni ini juga merupakan yang pertama di Negeri Sembilan. Dengan penjenamaan identiti sekolah ini, ianya dapat memberi peluang dan ruang kepada anak-anak muda untuk berkarya dalam bidang seni. Beta percaya dengan adanya sekolah seni ini, kita dapat menonjolkan identiti Negeri kita sebagai sebuah negeri beradab dalam mengekalkan budaya dan tradisi supaya ia dapat terus diwarisi generasi akan datang.

Memperkasakan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Negeri Sembilan Sebagai Salah Satu Cabang Baru Dalam Dunia Pendidikan

25. Beta merakamkan syabas kepada Kerajaan Negeri atas inisiatif menubuhkan Majlis Perundingan TVET Negeri Sembilan pada 16 November 2023 yang lalu. Beta melihat ini merupakan satu medium yang amat baik dalam pemerksaan TVET dengan lebih terselaraskan di peringkat negeri bagi meningkatkan jumlah tenaga pekerja mahir untuk menyokong pembangunan ekonomi jangka masa panjang Negeri Sembilan. Suka Beta nyatakan, dalam merencanakan lagi pembangunan ekonomi jangka panjang, Kolej Yayasan Negeri Sembilan berjaya menjalinkan hubungan kerjasama pintar dengan pemain industri bagi meneroka dan melahirkan pekerja mahir dan separa mahir dalam bidang automotif dan elektrik.

26. Beta berharap menerusi penubuhan Majlis Perundingan TVET Negeri, tumpuan dapat diberikan kepada intervensi *quick-wins* seperti mempercepatkan penempatan pekerjaan serta menyediakan tenaga mahir dan separa mahir bagi sektor kritikal. Di samping itu, Majlis Perundingan TVET juga perlu memberi perhatian kepada isu-isu berkaitan kekurangan akses pelajar dan komuniti kepada program TVET, pengiktirafan program TVET oleh industri, serta menangani isu persepsi rendah masyarakat terhadap program TVET.

Penutup

Ahli-Ahli Dewan Sekalian,

27. Pembangunan tidak hanya tertumpu kepada pencapaian ekonomi dan pembangunan fizikal semata-mata. Ia perlulah dilaksanakan secara kolektif melibatkan penyediaan kemudahan pendidikan, kesihatan, perumahan, infrastruktur, jaringan komunikasi, keselamatan dan pelbagai aspek lain di kawasan bandar dan luar bandar. Dalam mendepani segala keperluan ini, Beta yakin bahawa strategi yang berkesan telah disediakan oleh Kerajaan Beta melalui pelan pembangunan jangka panjang dan jangka pendek yang telah disediakan, iaitu Rancangan Struktur Negeri 2045, Pelan Komprehensif Lembah Wawasan Malaysia, dan pelan jangka sederhana iaitu Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan 2021-2025 (RPNS 2021-2025) serta Pelan Ekonomi Digital Negeri Sembilan 2023-2027 (PEDNS 2023-2027).

28. Dari aspek pentadbiran negeri, pemerkasaan tadbir urus, penambahbaikan sistem kerja, dan kepelbagaian medium penyampaian perkhidmatan, merupakan indikator penting ke arah kesejahteraan rakyat. Beta berasa sukacita dengan langkah proaktif agensi-agensi kerajaan yang telah mengubah pendekatan perkhidmatan dengan kerap melaksanakan kaedah turun padang. Pendekatan ini dapat memudahkan rakyat memperoleh perkhidmatan secara terus dan dapat berinteraksi secara langsung dengan agensi-agensi kerajaan.

29. Beta sekali lagi mengingatkan Ahli-ahli Dewan supaya mengeneipkan agenda politik sempit, sebaliknya bekerjasama atas nama perpaduan dan kebajikan rakyat. Dalam mengharungi senario ekonomi yang mencabar masa ini, kestabilan lanskap politik amat penting agar segala dasar-dasar yang telah dirangka dapat dilaksanakan sebaik mungkin. Beri fokus kepada projek-projek dan program yang telah dirangka agar dapat diterjemahkan dan dapat dirasakan oleh rakyat.

30. Adalah menjadi tanggungjawab Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk memimpin dan membimbing rakyat agar sama-sama bersedia bergerak membina sebuah negeri dan negara yang teguh bersatu, sejahtera dan makmur. Ketahuilah bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat sentiasa diperhatikan dan dinilai oleh rakyat di luar sana. Dunia digital tanpa sempadan hari ini menjadikan segala tindakan dan perbuatan Ahli-Ahli Yang Berhormat akan segera diketahui dan dinilai oleh rakyat. Oleh yang demikian, berbahas dan berhujahlah secara rasional dan intelektual atas perkara-perkara yang boleh membawa kebaikan dan manfaat bersama serta menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat.

31. Beta berkenan menzahirkan penghargaan kepada Menteri Besar serta seluruh jentera pentadbiran atas iltizam yang ditunjukkan bagi memastikan lonjakan pembangunan di negeri ini berada di landasan yang tepat. Pelbagai ruang dan platform juga telah tersedia untuk rakyat menyuarkan hasrat dan pandangan masing-masing.

32. Akhir titah, Beta mengingatkan Ahli Dewan yang mulia ini agar sentiasa menghayati, melindungi, memelihara dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan. Peraturan-Peraturan Tetap Dewan juga hendaklah sentiasa dipatuhi semasa berhujah dan sepanjang persidangan berlangsung. Berpeganglah kepada prinsip mendahulukan kepentingan dan kesejahteraan rakyat serta kemakmuran negeri dalam setiap hujah yang disampaikan.

33. Beta dan Tunku Ampuan Besar sentiasa berdoa semoga Allah S.W.T akan sentiasa memberi rahmat dan Hidayah-Nya kepada seluruh rakyat Beta untuk terus dilimpahi kemakmuran yang berkekalan.

34. Dengan lafaz suci BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM, Beta merasmikan Pembukaan Persidangan Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri ke-15.

Sekian.

*Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.*